



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan
Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

**KENYATAAN AKHBAR
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

KES IMPORT AVIAN INFLUENZA A (H7N9) DARI NEGARA CHINA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin melaporkan satu (1) kes import Avian Influenza A(H7N9) yang melibatkan seorang pelancong wanita warganegara China berusia 67 tahun yang berasal dari wilayah Guangdong, China ketika menyertai rombongan lawatan ke Sabah, Malaysia.

Hasil siasatan mendapati kes telah menerima rawatan awal di China untuk gejala demam, batuk, selesema, sakit sendi dan lemah badan bermula 30 Januari 2014, iaitu **empat (4) hari sebelum** beliau tiba di Kuala Lumpur pada 3 Februari 2014. Beliau berlepas pada 4 Februari 2014 dan berada di Sandakan sehingga 6 Februari 2014. Seterusnya, beliau bertolak ke Kota Kinabalu pada 6 Februari 2014.

Pada 7 Februari 2014, keadaan kes semakin lemah dan telah mendapatkan rawatan di klinik swasta sebelum dirujuk ke hospital daerah. Pada hari yang sama, kes telah dipindahkan ke hospital swasta atas permintaan ahli keluarga. Ujian saringan telah dilakukan bagi sampel pertama yang disyaki sebagai Avian Influenza A(H7N9) pada 9 Februari 2014 dan ujian pengesahan dengan sampel kedua didapati positif pada 11 Februari 2014. Sehingga kini, kes masih menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) di hospital berkenaan dan berada dalam keadaan stabil.

Kementerian Kesihatan Malaysia telah melaksanakan langkah-langkah kawalan dan pencegahan yang sewajarnya termasuk mempertingkatkan pengurusan kawalan infeksi di hospital. Pengesanan kontak ke atas 16 ahli rombongan dan 4 pekerja rumah peranginan yang mempunyai kontak rapat (*close contact*) dengan kes mendapati kesemuanya berada dalam keadaan sihat.

Avian Influenza A(H7N9) adalah penyakit selesema yang berlaku dalam kalangan unggas (*poultry*). Lazimnya, jangkitan daripada unggas kepada manusia hanya berlaku jika terdapat pendedahan kepada unggas yang telah dijangkiti dengan virus selesema burung tersebut.

Kejadian Avian Influenza A(H7N9) yang berlaku pada masa ini di China merupakan kejadian kali pertama yang dilaporkan di kalangan manusia pada bulan Mac 2013. Sehingga kini, sebanyak 330 kes Avian Influenza A(H7N9), termasuk 65 kematian, yang disahkan melalui ujian makmal telah dilaporkan dalam kalangan manusia.

Setakat ini, pihak WHO tidak mengeluarkan sebarang nasihat perjalanan (*travel advisory*) atau mengeluarkan sebarang larangan lawatan ke negara China dan tiada vaksin untuk mencegah jangkitan Avian Influenza A(H7N9). Pemantauan WHO juga mendapati tiada bukti penularan dari manusia ke manusia berlaku setakat ini sebagaimana yang dilaporkan di Taiwan di mana ianya terhad kepada dua (2) kes import sahaja tanpa penularan. Oleh itu, risiko jangkitan ini menular di kalangan penduduk tempatan di Malaysia adalah amat rendah.

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa mempertingkatkan langkah-langkah kesiapsiagaan bagi menghadapi kemungkinan jangkitan Avian Influenza A(H7N9). Justeru, tindakan selanjutnya termasuk;

- a) Memperkukuhkan aktiviti surveilan influenza di seluruh negara terutamanya di negeri Sabah termasuk menambah bilangan lokasi sentinel di daerah Sandakan dan Kota Kinabalu daripada lapan (8) kepada dua belas (12).
- b) Mengukuhkan keupayaan makmal di Sabah dalam melaksanakan ujian H7.
- c) Langkah-langkah pencegahan dan kawalan jangkitan dilaksanakan di semua fasiliti kesihatan.
- d) Kerjasama pihak Jabatan Veterinar untuk meningkatkan aktiviti surveilan di kalangan unggas.
- e) Mendapatkan kerjasama pihak agensi pelancongan yang menguruskan lawatan pelancong dari negara-negara yang terlibat dengan jangkitan Avian Influenza untuk menasihatkan pelanggan mereka yang tidak sihat supaya menangguhkan perjalanan. Jika ada pelancong yang menunjukkan gejala respiratori diminta mereka mendapatkan rawatan segera di fasiliti kesihatan yang berhampiran.

Kementerian Kesihatan Malaysia ingin menasihatkan orang awam agar:

- a) Individu yang melawat ke negara-negara yang terlibat dengan jangkitan Avian Influenza dan menunjukkan gejala pernafasan apabila pulang ke tanah air dinasihatkan untuk memakai penutup mulut dan hidung (*mask*) serta segera mendapatkan rawatan perubatan di fasiliti kesihatan berhampiran. Mereka perlu memaklumkan mengenai sejarah perjalanan mereka kepada doktor;
- b) Mengelakkan mengunjungi pasar yang menjual unggas hidup (*live poultry market*) bila mengunjungi negara-negara yang terlibat dengan jangkitan Avian Influenza;

- c) Selalu mengamalkan tahap kebersihan diri yang tinggi seperti kerap membasuh tangan dengan menggunakan air dan sabun atau sanitizer, terutamanya selepas batuk dan bersin;
- d) Mengelakkan daripada menyentuh sebarang permukaan yang dicemari oleh najis dan/atau darah unggas;
- e) Tidak memegang unggas yang ditemui mati tanpa alat perlindungan diri dan hendaklah melaporkan kejadian kematian unggas yang luar biasa ke Pejabat Veterinar yang terdekat;
- f) Pastikan makanan telah dimasak sepenuhnya sebelum dimakan;
- g) Mendapatkan rawatan di klinik yang berhampiran dengan segera apabila mendapat gejala influenza-like illness (ILI), terutamanya bagi mereka yang terlibat dengan pengendalian unggas (*poultry*);
- h) Melaporkan sebarang kejadian kluster ILI kepada Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat; dan
- i) Bagi penternak dan pengusaha ladang unggas hendaklah sentiasa patuh kepada nasihat dan panduan dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Kementerian Kesihatan Malaysia akan terus memantau situasi kejadian penyakit ini dan sebarang perkembangan akan dimaklumkan dari masa ke semasa. Maklumat terkini berkaitan Avian Influenza A(H7N9) boleh diperolehi dari laman sesawang <http://www.moh.gov.my>.

Sekian, terima kasih.

YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

12 Februari 2014